

Bas terbabas, enam pelajar UiTM Arau cedera

Oleh AHMAD SYAKIR SAZILI
syakir.sazili@kosmo.com.my

TAPAH - Enam pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Arau cedera selepas bas sewa khas yang dinaiki mereka bersama 29 penumpang lain terbabas di Kilometer 334.1, Lebuhraya Utara-Selatan di sini pagi semalam.

Kejadian pukul 4.15 pagi ber-

dekatan kawasan Rehat dan Rawat Tapah Arah Utara itu berlaku apabila bas yang dalam perjalanan dari Kuala Lumpur tersebut dikatakan hilang kawalan sebelum tercampak di longkang sebelah kiri laluan terbabit.

Ketua Polis Daerah Tapah, Supritendan Roslan Bek Ahmad berkata, semasa kejadian bas terbabit membawa 31 penuntut wa-

nita dan seorang pelajar lelaki UiTM Arau serta dua pelajar masing-masing dari Politeknik Jitra dan Arau selain seorang penumpang awam.

"Mereka bertolak kira-kira pukul 2 pagi dari Kuala Lumpur selepas menghadiri program usahawan pintar di Dewan MCA, Jalan Ampang anjuran koperasi Shamelin," katanya di sini.

Polis dimaklumkan bas tersebut disewa sendiri oleh kumpulan pelajar terbabit dan urusan rombongan berkenaan tidak melibatkan pengurusan universiti berkenaan.

Menurut Roslan, enam pelajar terbabit hanya menerima rawatan sebagai pesakit luar di Hospital Tapah di sini.

"Kesemuanya telah dibenar-

kan keluar dari hospital pada tengah hari tadi (semalam) dan pulang ke kampus UiTM Arau menggunakan bas gantian," katanya.

Bas terbabit telah dihantar ke Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom) dan keterangan pemandu bas terbabit telah diambil sebelum dibebaskan.